

MV Brooks juara golf UMS

KOTA KINABALU: Pasukan MV Brooks dari Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (SPA) dan Telekom Malaysia Berhad (TMB) Sabah muncul juara Kejohanan Golf Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Karambunai Golf Club, dekat sini, Ahad lalu.

MV Brooks yang diketuai Pengerus Besar (SPA), Ramli Amir memenangi kategori Piala Tun Canselor UMS manakala TMB Sabah diketuai, pengurus besarnya, Zaini Diman bagi Piala Naib Canselor UMS.

Selain dua piala itu, kedua-dua pasukan turut menerima wang hadiah tunai RM800, piala iri-

ngan serta baucar yang disampaikan sendiri oleh Canselor UMS, Tun Ahmadshah Abdullah.

Tempat kedua bagi kategori Piala Tun Canselor UMS pula dimenangi oleh pasukan Karambunai Golf Club, manakala ketiga, pasukan Noralah Sdn Bhd.

Pasukan Par Group pula menjadi naib juara bagi kategori Piala Naib Canselor dan ketiga, pasukan Chase Perdana Bhd.

Kejohanan sulung anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi UMS ini diadakan bersempena sambutan ulang tahun ke-10 penubuhan universiti itu dan menarik

perhatian 100 peserta.

Penganjur kejohanan, Prof Madya Inon Sharudin, berkata pertandingan itu akan diadakan setiap tahun dan kemungkinan akan diperluaskan dari segi penyertaan serta diadakan selama dua hari.

Pemain kenamaan lain yang turut serta termasuk Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Dr Yusuf Yaacob; Timbalan Naib Canselor UMS, Datuk Dr Kamaruzaman Amping; Pengarah Yayasan Sabah, Tan Sri Datu Khalil Datu Jamulail dan Panglima 5 Briged, Brig Jen Mohd Sharin Majid.



AHMADSHAH (kiri) menyampaikan Piala Canselor UMS kepada Ramli. - Gambar oleh Amirullah Andi Nur